

30 SEP 1999

Daim-Ekonomi

MALAYSIA BEBAS UNTUK TENTUKAN CARANYA TANGANI EKONOMI

PULAU PINANG, 30 Sept (Bernama) -- Barat perlu memberi peluang kepada negara seperti Malaysia untuk membuktikan kemampuannya menangani kegawatan ekonomi mengikut caranya sendiri, kata Menteri Kewangan Pertama Tun Daim Zainuddin, hari ini.

Katanya Malaysia telah berjaya memulihkan ekonominya dengan caranya sendiri dan tidak mengikut "text book solution" seperti yang dicadangkan oleh Barat.

Beliau membidas agensi-agensi tertentu di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang memperkenalkan satu model sahaja untuk memulihkan ekonomi bagi semua negara yang mengalami kegawatan itu di rantau ini.

Katanya setiap negara mempunyai masalah yang berbeza dan tidak mungkin menggunakan model yang sama untuk menangani masalah ekonomi masing-masing.

Malaysia mempunyai rakyat berbilang kaum dan agama, dan tidak boleh menerima mana-mana dasar dari luar yang boleh menghancurkan ekonomi dan memecahbelahkan perpaduan rakyatnya, katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan seminar "Dilema Tanah Milik Melayu dan Tanah Wakaf Islam Negeri Pulau Pinang: Masalah dan Penyelesaian" di sini.

"Kita ambil kira kepentingan negara dan rakyat dalam menyelesaikan kegawatan ekonomi walaupun mendapat kritikan daripada Barat tetapi akhirnya mereka memuji tindakan Malaysia," katanya.

Beliau diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di New York semalam mengenai usaha barat mengawal, menguasai dan menentukan masa depan negara-negara Asia.

Perdana Menteri dipetik sebagai berkata bahawa abad ke-21 tidak menjanjikan masa depan yang cemerlang bagi negara miskin dan lemah termasuk negara-negara Asia yang berhasrat mencapai kejayaan ekonomi kerana segala-galanya ditentukan oleh Barat.

Daim berkata dalam amalan demokrasi, bukan sahaja cara memilih perlu bebas malahan cara berfikir juga perlu begitu.

Oleh itu, Malaysia perlu diberi peluang untuk membuktikan sama ada caranya berjaya atau sebaliknya dalam menangani masalah ekonomi, katanya.

Menurutnya setelah melihat kejayaan Malaysia, barulah pihak Barat mengakui kebolehan negara walaupun usaha itu mengambil masa untuk meyakinkan mereka.

Bagaimanapun beliau kesal masih terdapat segelintir rakyat negara ini yang tidak mengakui hakikat itu dan masih terikut-ikut dengan pengaruh golongan luar itu.

Ditanya sama ada kerajaan akan "menyelamatkan" Kumpulan Renong, yang mengalami kerugian sebanyak RM1.25 bilion, sambil menggelengkan kepalanya Daim berkata "Tidak".

-- BERNAMA

ZU NAK